

KERAJAAN PAHANG BIAYA KOS RAWATAN PENJAWAT AWAM, PESARA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI DI SASMEC@IIUM

KUANTAN, 8 APRIL 2024 : Kerajaan Pahang bersetuju membiaya kos rawatan penjawat awam dan pesara perkhidmatan awam negeri di Sultan Ahmad Shah *Medical Centre*, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SASMEC@IIUM) di Kuantan.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, keputusan itu dibuat menerusi mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang pada 3 April 2024 dan akan berkuatkuasa mulai April 2024.

“Ia merupakan inisiatif Kerajaan Negeri secara berterusan dalam memastikan kebajikan penjawat awam terus dijaga.

“Pembiayaan kos rawatan ini meliputi penanggungungan 30 peratus bil rawatan perubatan dan penanggungungan 100 peratus bil rawatan ubat khas, ubat *non-formulary* (NF) dan *implant*,” katanya dalam satu kenyataan beliau menerusi laman Facebook miliknya.

Dalam kenyataan sama, beliau berkata, pembiayaan kos rawatan bagi kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Berkanun (PBB) juga turut meliputi penanggungungan 30 peratus bil rawatan perubatan dan penanggungungan 100 peratus bil rawatan ubat khas, ubat *non-formulary* (NF) dan *implant* adalah ditanggung agensi masing-masing.

Jelasnya, keputusan itu dibuat bertujuan mengurangkan kesesakan yang berlaku di hospital-hospital dan juga klinik-klinik kerajaan.

“Saya mengharapkan menerusi pembiayaan ini, penjawat awam dan pesara perkhidmatan awam negeri dapat menggunakan perkhidmatan rawatan kesihatan di SASMEC@IIUM dengan sebaik-baiknya,” katanya. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

Oleh : Fansurina Abdullah

(LIPUTAN BERGAMBAR)

